

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NASIONAL



Dr Zaliha melawat pameran selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa anjuran APHM di Kuala Lumpur, semalam. (Foto BERNAMA)

KKM pertimbang jururawat luar penuhi keperluan swasta

Kementerian Kesihatan, APHM adakan lebih banyak libat urus perhalusi isu

Oleh Farah Marshita Abdul Patah dan Mahaizura Abd Malik
bhnews@bh.com

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) sedang mempertimbang keperluan mengambil jururawat dari luar negara bagi memenuhi keperluan hospital swasta yang mengalami masalah kekurangan tenaga kerja itu.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa, berkata pihaknya sedang memperhalusi isu dibangkitkan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) dan mengadakan lebih banyak libat urus dengan sektor berkenaan.

"Memang perkara itu dalam makluman KKM. Kita sedang memperhalusi perkara itu dan melihat bagaimana kita boleh lakukan untuk bantu sektor swasta memenuhi keperluan mereka."

"Kita kena buat libat urus bukan sekali, tetapi beberapa kali untuk melihat beberapa perkara membabitkan pengambilan atau keperluan jururawat dari luar untuk membantu sektor swasta meningkatkan perkhidmatan mereka," katanya selepas meras-

mikan Persidangan dan Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa anjuran APHM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam. Yang hadir sama, Presiden APHM, Datuk Dr Kuljit Singh.

Tampung lebih ramai pesakit

Sementara itu, Kuljit berkata, hospital swasta mengalami isu kekurangan jururawat yang serius walaupun menerima permintaan tinggi, namun dengan pengambilan jururawat luar akan membolehkan mereka menampung lebih ramai pesakit, sekali gus membantu kerajaan.

"Dalam tinjauan dibuat APHM pada November 2022 hasil maklum balas daripada 103 hospital, kita memerlukan kira-kira 9,224 jururawat tambahan pada tahun ini hingga 2025."

"Hospital swasta berminat mengambil jururawat yang mendapat latihan di luar negara dan kita sudah membincangkan perkara ini dengan Bahagian Kejururawatan KKM dan meminta pengecualian kepada Klaus 5 garis panduan mengenai pengambilan jururawat asing."

"Kami hanya meminta dua hingga tiga tahun untuk mengisi kekosongan sebelum sekolah kejururawatan tempatan dapat memenuhi permintaan," katanya.

Jururawat berdaftar

Presiden Kesatuan Jururawat Malaya (MNU) Nor Hayati Abd Rashid, berkata Kementerian perlu mengambil jururawat tempatan yang sudah berdaftar de-

ngan Lembaga Jururawat Malaysia sebelum mengambil jururawat luar negara.

Katanya, ketika ini ada banyak institusi swasta yang mempunyai kolej kejururawatan sendiri seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan KPJ Healthcare Bhd (KPJ).

Katanya, semua jururawat berkenaan akan melalui latihan asas selama tiga tahun (diploma) bagi membolehkan mereka berkhidmat sebagai jururawat berdaftar di negara ini.

"Malah, sekarang kita juga mempunyai sejumlah jururawat yang mempunyai sarjana muda dalam sains kejururawatan. Oleh itu, saya yakin jumlah jururawat yang mahir dan bertauliah juga bertambah dua kali ganda," katanya.

Tambah Nor Hayati, antara langkah yang boleh diambil oleh Kementerian adalah mengenal pasti berapa sebenarnya keperluan jururawat dalam tempoh lima tahun akan datang terutama untuk menampung keperluan di hospital swasta.

Katanya, institusi swasta yang menyediakan latihan mungkin boleh mengadakan memorandum persefahaman (MoU) dengan hospital swasta bagi membekalkan jururawat bertauliah untuk diambil bekerja sebaik saja tamat latihan dan dilantik sebagai jururawat dengan nombor pendaftaran dengan Lembaga Jururawat Malaysia.

"Dengan ini mutu perawat kepada pesakit adalah terpelihara dan keyakinan pelanggan akan meningkat," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

Kertas Putih Kesihatan akan dibentangkan di Dewan Rakyat Jun

Pasukan khas akan ditubuh pantau dasar jangka pendek, panjang

Oleh Ahmad Naim Tahir
dan Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kertas Putih Kesihatan (KPK) menggariskan empat tonggak dan 15 strategi reformasi kesihatan akan dibentangkan di Dewan Rakyat, pada persidangan yang akan berakhir 15 Jun ini.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa, berkata pembentangan KPK di Dewan Rakyat selepas dokumen berkenaan yang mengandungi perancangan berfasa bagi jangka pendek, sederhana dan panjang, dikemukakan kepada Kabinet minggu depan.

Katanya, KPK antara lain akan menyentuh pelbagai isu, termasuk soal fasiliti dan penjagaan di sektor kesihatan awam, pendigi-

tal sistem penyampaian kesihatan, isu doktor kontrak, skim pekerjaan dan perjawatan serta banyak lagi.

"Kita juga sudah adakan perbincangan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menteri lain. Terakhir sekali, baru kita bentangkan ke Parlimen dan sudah dapat persetujuan Setiausaha Parlimen untuk dibentangkan pada persidangan Jun ini," katanya.

Memaklumkan demikian pada sesi taklimat bersama media di pejabatnya, di sini semalam, beliau berkata, satu pasukan khas akan ditubuhkan selepas

KPK dibentangkan di Parlimen bagi memantau pelaksanaan dasar itu untuk jangka pendek dan panjang.

Libat urus berterusan

"Biarpun dibentangkan ke Parlimen, program libat urus masih berterusan. Kita masih buka laman sesawang untuk terus dapatkan input dan maklum balas. Kita faham, dalam pelaksanaan nanti, akan ada strategi berubah dan perkara baharu diambil kira dalam sistem kesihatan kita.

"Sebab empat tonggak dalam KPK ini tak berdiri dengan sendiri, sebaliknya saling berhu-

ngan. Malah, langkah permulaan ke arah pelaksanaan gerak kerja menyeluruh KPK juga sudah pun berjalan.

"Dalam sistem perkhidmatan kita sekarang, contohnya sistem penyampaian, sudah dilaksanakan, tapi perlu ditambah baik. Kita juga terima pendigitalan kesihatan. Sebab itu dari segi jangka masa, kita bahagikan kepada tiga keadaan.

"Jangka pendek ialah apa perlu dicapai, jangka sederhana dan jangka panjang. Kita harap selepas 15 tahun, kita akan capai semuanya," katanya menambih KPK juga menumpukan penye-

lesaian segera isu kesihatan termasuk naik taraf hospital dan fasiliti kesihatan yang daif.

Katanya, dalam empat tonggak KPK, ada antaranya yang kita boleh dilaksanakan dengan cepat, manakala yang lain mungkin memerlukan perubahan akta yang akan mengambil masa lama.

"Contoh penyelesaian segera seperti fasiliti daif, itu yang mahu kita tangani. Kita lihat juga, apabila KKM bina hospital baharu, tak boleh bina (bangunan) saja, tapi termasuk fasiliti, peralatan dan sebagainya.

"Kekangan yang kita hadapi adalah kewangan. Sebab itu, buat masa ini, kita memutuskan untuk memberi perhatian kepada baik pulih (fasiliti daif). Itulah yang Perdana Menteri sebut supaya 400 fasiliti daif ini diberi keutamaan," katanya.

Dalam menjayakan KPK juga, katanya, KKM bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan (KPM) serta Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (PKPT) terutama dalam pelaksanaan program kesedaran kesihatan serta perkhidmatan ambulans, khususnya di luar bandar.

Status peralihan fasa ke endemik dinilai semula

Putrajaya: Malaysia akan menilai semula status peralihan fasa ke endemik pada pertengahan bulan depan, kata Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa.

Penilaian itu selepas pengisytiharan kawasan jangkitan COVID-19 tempatan dibuat sebelum ini bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun. Ia berikutan negara masih berada dalam kawasan jangkitan tempatan, khususnya pada musim perayaan lalu yang menunjukkan peningkatan kes.

"Semakan semula itu perlu bagi membolehkan

Kementerian Kesihatan (KKM) menilai hala tuju seterusnya dengan mengambil kira garis panduan dikeluarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Sekarang, memang kita belum masuk fasa endemik, masih peringkat transisi (peralihan ke endemik) walaupun WHO sudah umum Kecemasan Kesihatan Awam bagi Kebimbangan Antarabangsa (PHEIC) akan berakhir," kata Dr Zaliha pada sesi taklimat, di sini semalam.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : LOKAL



LUKANISMAN melepaskan nyamuk berwolbachia di Taman Bemban Jaya, Jasin.

Lepas 300,000 nyamuk berwolbachia atasi denggi

Jasin: Kira-kira 300,000 nyamuk berwolbachia sudah dilepaskan di negeri ini, membabitkan Taman Bemban Jaya di sini, sejak Mac tahun lalu bagi mengawal demam denggi.

Taman Bemban Jaya dipilih bagi projek ini berdasarkan kriteria ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Pada fasa pertama, projek ini menggunakan kaedah pelepasan telur nyamuk Aedes berwolbachia dan kini, ia memasuki fasa kedua iaitu fasa pelepasan nyamuk berwolbachia dewasa.

"Bagi fasa kedua, hampir 100,000 ekor nyamuk dewasa berwolbachia akan dilepaskan dengan setiap 10,000 ekor bagi setiap pelepasan selama lapan minggu berturut-turut bermula hari ini (semalam)," kata Timbalan Menteri Kesihatan Lukanisman Awang Sauni semalam.

Lukanisman berkata demikian selepas melakukan

pelepasan nyamuk itu bagi Fasa Dua di Taman Bemban Jaya yang turut dihadiri Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Rusdi Abdul Rahman.

Lukanisman berkata, pelepasan nyamuk Aedes berwolbachia ini mampu merencatkan penyebaran virus denggi kepada manusia.

Menurut Lukanisman, KKM akan meneruskan pelepasan nyamuk berwolbachia secara berperingkat bagi mengawal kes denggi, khususnya di negeri yang mencatatkan peningkatan kes.

"Setakat ini, projek ini memanfaatkan 27 lokaliti di Melaka, Kuala Lumpur, Selangor serta Pulau Pinang dan akan diperluas ke Sabah sebagai penyelesaian pengawalan demam denggi.

"Pelepasan nyamuk berwolbachia adalah langkah inovatif bagi menghindari demam denggi selain melalui gerakan berasaskan komuniti melawan denggi seperti Komunikasi Perubahan Tingkah Laku (Combi)," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : LOKAL

* Intervensi berkesan tangani isu kesihatan, sosial

Kuala Lumpur: Masyarakat terdedah kepada anasir kesihatan selain isu sosial secara berbeza mengikut lokasi yang dihuni.

Ahli Parlimen Bangi Syahredzan Johan berkata, menangani isu itu memerlukan tindakan intervensi yang berkesan terhadap penduduk mengikut komuniti terbabit.

"Justeru, saya berharap komuniti Bangi juga sihat dan bergerak aktif sempena epidemik kes penyakit tidak berjangkit (NCD) ketika ini.

"Masyarakat yang sihat dan cakna kesihatan akan menyumbang kepada ekonomi dan pemikiran bernas serta mengikut penderaan semasa," katanya.

Beliau sebelum itu merasmikan Majlis *Flag Off* Kembara Mengilham Harapan anjuran Kelab Ukhuwah Kembara Malaysia Bikers (KUKMBikers) di Bangunan Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, pada Sabtu lalu.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi) UKM, Prof Datuk Dr Wan Kamal Mujani dan Presiden KUKMBikers, Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh.

Sebelum ini, Kemente-



SYAHREDZAN (kanan) dan Mohd Qurbani pada Majlis *Flag Off* Kembara Mengilham Harapan anjuran KUKMBikers di Bangunan Canselor UKM.

rian Kesihatan Malaysia (KKM) dilaporkan akan memberi tumpuan kepada epidemik kes NCD kerana situasi Covid-19 di negara ini sudah berjaya dikawal.

Beberapa langkah akan diambil KKM untuk menghasilkan rakyat yang sihat sejahtera, termasuk memastikan saringan kesihatan yang ada dalam kerajaan atau badan berkanun di negara ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Sementara itu, Dr Sharifa

yang juga Pakar Perubatan Kesihatan Awam menyambut baik kenyataan Ahli Parlimen terbabit.

Beliau berkata, punca masalah kesihatan kronik penduduk berkaitan dengan rokok dan penggunaan gula berlebihan.

Pada majlis itu, KUKMBikers menganjurkan program kembara solo ke Mekah yang pertama diadakan selepas menerima tajaan daripada pihak industri permotoran negara.

Kakitangan Fakulti Sains

Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) UKM, Mohd Qurbani Badris yang melakukan kembara solo itu akan memulakan perjalanan dengan melalui pelbagai negara termasuk Pakistan, India, Emiriah Arab Bersatu dan Arab Saudi.

Dalam pengembaraan itu, beliau akan singgah di rumah penuntut Malaysia di negara berkenaan selain turut mengedarkan risalah promosi UKM dan Malaysia kepada penduduk tempatan.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : LOKAL

Bentang Kertas Putih Kesihatan minggu depan

Kuala Lumpur: Kertas Jemaah Menteri mengenai Kertas Putih Kesihatan akan dibentangkan di Parlimen minggu depan.

Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa berkata, Kertas Putih Kesihatan itu sudah dibentangkan dan mendapat persetujuan di peringkat Kabinet.

"Kita sudah memberitahu Parlimen, kita akan membentangkannya dalam sesi akan datang ini."

"Saya akan membawa kertas putih yang dipersejuti jemaah Menteri ini minggu depan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa anjuran Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden APMH, Datuk Dr Kuljit Singh.

Sementara itu, Dr Zaliha berkata, Rang Undang-Undang (RUU)



Kerajaan akan meneliti pelbagai perkara termasuk sama ada mengharamkan vape atau tidak"

Dr Zaliha

Kawalan Produk Merokok bersama peruntukan Generasi Penamat (GEG) turut dibentangkan di Parlimen dalam masa terdekat.

Katanya, kerajaan juga akan meneliti pelbagai perkara termasuk sama ada mengharamkan vape atau tidak seperti dilaksanakan Singapura dan Thailand.

"Dari sudut kesihatan awam kita kena jaga, jadi kita (akan) lihat analisa dan statistik bagaimana negara luar (boleh) memainkan peranan mereka membuat polisi terhadap vape," katanya.

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedang mempertimbangkan untuk mengambil jururawat dari luar negara bagi memenuhi keperluan hospital swasta yang mengalami masalah kekurangan jururawat.

Menterinya, Dr Zaliha Mustafa berkata, pihaknya sedang memperhalusi isu dibangkitkan Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) dan mengadakan lebih banyak libat urus dengan sektor berkenaan.

"Memang perkara itu dalam makluman KKM. Kita sedang memperhalusi perkara itu dan melihat bagaimana kita boleh lakukan bantu sektor swasta dalam memenuhi keperluan mereka."

"Kita kena buat libat urus bukan sekali, tetapi beberapa

Pertimbang jururawat luar negara kerja di hospital swasta



Kita sedang memperhalusi perkara itu dan melihat bagaimana kita boleh lakukan untuk bantu sektor swasta"

Dr Zaliha

pa kali untuk melihat beberapa perkara membabitkan pengambilan atau keperluan jururawat dari luar untuk membantu sektor swasta meningkatkan perkhidmatan mereka," katanya

selepas merasmikan Persidangan dan Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa anjuran APMH di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden APMH, Datuk Dr Kuljit Singh.

Sementara itu, Dr Kuljit berkata, hospital swasta mengalami isu kekurangan jururawat serius walaupun menerima permintaan tinggi, namun dengan pengambilan jururawat luar akan membolehkan mereka menampung ramai pesakit sekaligus membantu kerajaan.

"Dalam tinjauan yang dibuat APMH pada November

2022 hasil maklum balas daripada 103 hospital, kita memerlukan 9,224 jururawat tambahan pada tahun ini hingga 2025."

"Hospital swasta berminat mengambil jururawat yang mendapat latihan di luar negara dan kita sudah membincangkan perkara ini dengan Bahagian Kejururawatan KKM dan meminta pengecualian kepada Klausula 5 garis panduan mengenai pengambilan jururawat asing."

"Kami hanya meminta dua hingga tiga tahun untuk mengisi kekosongan sebelum sekolah kejururawatan tempatan dapat memenuhi permintaan," katanya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

'Kertas Putih dibawa ke Jemaah Menteri'

PETALING JAYA - Kertas Putih Kesihatan yang merupakan satu pelan reformasi sistem kesihatan di negara ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri minggu depan.

Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa berkata, dokumen itu kemudian akan dibentangkan dalam sesi Dewan Rakyat.

"Kertas ini kena bentang di Kabinet, baru boleh bawa ke Parlimen," katanya pada Persidangan dan Pameran Penjagaan Kesihatan Antarabangsa anjuran Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, dekat sini semalam.

Kertas Putih Kesihatan merupakan usaha kerajaan untuk pembaharuan dalam sistem perbelanjaan pembiayaan kesihatan dalam mewujudkan sistem kesihatan terbaik antara fokus dalam dokumen itu.

Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Kesihatan antara

ra cadangan yang dibangkitkan melalui Kertas Putih Kesihatan dalam menaik taraf pentadbiran sistem kesihatan negara.

Ujarnya, kementerian sedang mempertimbang keperluan mengambil jururawat dari luar negara bagi memenuhi keperluan hospital swasta ekoran isu kekurangan jururawat.

"Kita sedang memperhalusi isu dibangkitkan APMH dan mengadakan lebih banyak libat urus dengan sektor berkenaan dan sedang perhalusi perkara itu dan lihat bagaimana kita boleh lakukan untuk bantu sektor swasta memenuhi keperluan mereka," katanya.

Terdahulu, Presiden APMH, Datuk Dr. Kuljit Singh berkata, hospital swasta mengalami isu kekurangan jururawat yang serius walaupun menerima permintaan tinggi dan pengambilan jururawat luar membolehkan mereka menampung lebih ramai pesakit, sekali gus membantu kerajaan.



HOSPITAL swasta berminat mengambil tenaga kerja dari luar negara berikutan isu kekurangan jururawat ketika ini. - GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

40 peratus perokok tegar golongan B40 – CAP

GEORGE TOWN – Dianggarkan kira-kira 40 peratus perokok tegar di negara ini terdiri daripada kumpulan B40, manakala golongan remaja berusia antara 13 hingga 17 tahun pula didapati memilih untuk menghisap vape berbanding rokok konvensional.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, mengikut statistik, kira-kira 40 peratus daripada perokok adalah dalam golongan B40 berbanding 31 peratus daripada kumpulan M40 dan lima peratus pula kategori T20.

"Sebanyak 20 batang rokok dijual pada harga kira-kira RM17 sekotak dan pembelian dua kotak rokok bersamaan dengan 10 kilogram (kg) beras, sebotol minyak masak 5kg atau 2kg paha ayam.

"Pembelian makanan akan memberi manfaat kepada seluruh ahli keluarga dengan menambah baik khasiat pemakanan dan kesihatan mereka," katanya dalam satu kenyataan, di sini semalam.

Menurut Mohideen, jumlah penghisap vape dalam kalangan remaja terutama pelajar sekolah pula dilaporkan semakin meningkat dan bilangan menjadi berganda sehingga 14 peratus berbanding merokok iaitu sebanyak 6.2 peratus.

Menurutnya, ketika ini terdapat 17,000 perisa e-rokok yang boleh diperolehi menerusi pembelian dalam talian dengan menyasarkan pelanggan kanak-kanak dan remaja.

"Perokok mestilah merebut peluang untuk menghentikan tabiat merokok atau menghisap vape memandangkan keadaan ekonomi semasa, yang mana setiap Ringgit dikira untuk memastikan makanan berada di atas meja.

"Dengan ketidakpastian dalam ekonomi global, pengguna mestilah mengamalkan sikap berhemat dalam belanjawan keluarga dengan mengutamakan makanan, bukannya produk tembakau yang berbahaya," ujarnya.

Tambahnya, CAP menggesa kerajaan supaya mempercepatkan pembentangan Rang Undang-undang Generasi Penamat (GEG) dengan kadar segera.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

Kerajaan disyor naikkan harga rokok

Capai sasaran Malaysia
Bebas Asap Rokok
menjelang tahun 2045

Oleh RAIHAM MOHD SANUSI
SHAH ALAM

Kerajaan disyor untuk menaikkan harga rokok sebagai langkah mengurangkan penggunaan produk tembakau bagi mencapai sasaran kempen Malaysia Bebas Asap Rokok menjelang tahun 2045.

Penyelaras Kawalan Tembakau, Inisiatif Malaysia Bebas Asap Rokok, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Muhammad Sha'ani Abdullah berkata, perkara itu boleh dibuat dengan menaikkan cukai ke atas semua produk tembakau yang telah dihentikan sejak tahun 2015 selaras dengan syor Bank Dunia.

Katanya, cadangan itu dibuat bersempena sambutan Hari Tanpa

Tembakau Sedunia 2023 yang disambut hari ini bertepatan 'Kita Memerlukan Makanan, Bukan Tembakau'.

"Sempena Hari Tanpa Tembakau Sedunia 2023 juga disyorkan kerajaan menyegerakan pelesenan semua jualan runcit produk tembakau di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (Pelesenan Tembakau dan Keluaran Tembakau) 2011.

"Kami juga cadangkan supaya penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 juga diturun kuasa kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Mengulas lanjut, Muhammad Sha'ani memberitahu, kerajaan juga dicadang memperuntukkan seluruh kutipan cukai tembakau dan alkohol untuk perkhidmatan rawatan berhenti merokok dan penggunaan alkohol.

"Kami juga menggesa agar Perkara 3.8.2 Kod Amalan Kualiti Udara Dalam 2010 dipinda untuk menjadikan semua tempat kerja menjadi kawasan larangan merokok memandangkan sebarang tindakan merokok di ruang dalaman boleh menjadikan kualiti udara tidak mematuhi



MUHAMMAD SHA'ANI



Kerajaan disaran menaikkan harga rokok bagi mencapai sasaran Malaysia Bebas Asap Rokok menjelang tahun 2045.

aras standard kualiti udara dalam Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

"Selain itu, kami mencadangkan supaya papan-papan tanda 'Dilarang Merokok' ditukar kepada 'Kawasan Bebas Asap Rokok' untuk menjadikan wawasan generasi penamat (*endgame*) tembakau suatu usaha positif dan tanggungjawab bersama," ujarnya.

Dalam pada itu menurutnya, statistik menunjukkan satu daripada lima atau 20 peratus kanak-kanak di Malaysia terbanjut tumbesaran mereka.

"Fenomena ini yang menunjukkan isi

rumah di negara ini memerlukan makanan berkhasiat dan ia sesuatu yang mengejutkan jika dibandingkan dengan kadar tabiat merokok di Malaysia yang puratanya sebanyak 21.3 peratus pada 2019.

"Sememangnya ada ketua isi rumah mengutamakan ketagihannya daripada keperluan pemakanan anak-anak dan tanggungan.

"Ini memerlukan usaha dengan pendekatan menyeluruh masyarakat untuk menggalakkan perokok mengurangkan tabiat merokok dan seterusnya berhenti merokok," beritahunya.

Timbang semula bentang RUU kawalan tembakau

SHAH ALAM - Kerajaan digesa mempertimbangkan semula keputusan membentangkan Rang Undang-Undang Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022 yang merangkumi dasar penamat generasi perokok (GEG) dalam sesi Parlimen akan datang.

Wakil Consumer Choice Center (CCC) Malaysia, Tarmizi Anwar berkata, kajian lebih mendalam perlu dijalankan mengenainya yang melibatkan keutamaan pengguna.

"Semua pengguna mempunyai kepentingan dalam mempertahankan kebebasan peribadi dan sivil. Oleh itu, mereka harus diberi pilihan peribadi bagi memutuskan apa yang sesuai untuk mereka tanpa campur tangan berlebihan.

"Kerajaan harus mendidik pengguna dengan maklumat yang benar dan tepat daripada menyebarkan mitos seperti vape dikatakan lebih berbahaya daripada rokok," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Tambah Tarmizi, penyelidikan terkini daripada Institut Psikiatri,



TARMIZI

Psikologi dan Neurosains (IoPPN) di King's College London pada September 2022 mendapati bahawa penggunaan produk vape berbanding merokok membawa kepada pengurangan ketara dalam pendedahan kepada toksin yang menggalakkan kanser, penyakit paru-paru dan kardio-

vaskular. Pada masa sama, beliau meminta kerajaan untuk memberi tumpuan kepada keselamatan pengguna.

"Ini kerana insiden rokok seludup di Malaysia adalah tinggi iaitu 56.6 peratus menurut kajian rokok seludup baru-baru ini oleh Nielsen IQ. Ini membimbangkan kerana produk haram ini mengandungi bahan berbahaya yang tidak sesuai untuk diambil manusia.

"Selain itu, rokok seludup ini mudah diakses oleh remaja kerana ia dijual di kedai runcit atau dalam talian. Kerajaan sepatutnya utamakan usaha perangai masalah ini daripada meluluskan RUU yang boleh membawa kepada peningkatan produk seludup," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 31

RUANGAN : DALAM NEGERI

Masalah kurang parkir di Hospital Teluk Intan selesai

Oleh AIN SAFRE
utusannews@mediamulia.com.my

TELUK INTAN: Isu kekurangan tempat letak kenderaan di Hospital Teluk Intan dekat sini akan diatasi segera.

Demikian jaminan disuarakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pasir Bedamar, Woo Kah Leong yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Kampung Baru Cina negeri.

Beliau berkata, Ahli Parlimen Teluk Intan, Nga Kor Ming yang juga Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) juga akan memohon peruntukan hampir RM1 juta untuk projek naik taraf kawasan parkir hospital berkenaan.

Menurutnya, untuk menyelesaikan masalah kekurangan parkir di situ, beliau dan Nga Kor Ming telah melawat hospital tersebut baru-baru ini.

Katanya, masalah itu merupakan isu yang menjadi runtuhan rakyat selama ini.

"Hospital Teluk Intan hanya mempunyai tempat parkir yang terhad iaitu tidak sampai 300 petak namun menerima kehadiran pesakit sebanyak 650 orang dan 1,000 staf hospital dalam sehari.

"Keadaan ini amat teruk dan menyebabkan banyak pesakit terpaksa meletakkan kenderaan di Jalan Changkat Jong sebelum memasuki kawasan hospital.

"Hospital Teluk Intan telah mengemukakan cadangan pelan untuk menambah tempat parkir



WOO Kah Leong (tengah) ketika melawat keadaan tapak letak kereta Hospital Teluk Intan yang berdepan pelbagai masalah termasuk kekurangan petak meletak kenderaan.

yang akan memerlukan dana dalam lingkungan RM1 juta.

"Kerja-kerja naik taraf melibatkan tapak belakang wad yang kini berlubang, berlaku mendeda tanah dan tidak mesra pengunjung dan diharapkan akan menambahkan lagi 300 petak parkir selepas projek dilaksanakan," katanya.

Kah Leong berkata, beliau telah berjumpa dengan Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Sirajuddin

Hashim baru-baru ini.

Katanya, Jabatan Kesihatan Negeri memberi komitmen menyelesaikan masalah tersebut untuk kemudahan rakyat.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* menyiarkan laporan mengenai keluhan pengguna perkhidmatan di Hospital Teluk Intan yang berdepan masalah tempat letak kenderaan berikutan kekurangan parkir, menyebabkan mereka meletakkan kereta di

bahu jalan dan bimbang disaman pihak berkuasa atau boleh menyebabkan kemalangan.

Masalah itu berpunca daripada peningkatan orang ramai mendapatkan perkhidmatan rawatan di hospital itu.

Ia disebabkan pesakit yang datang untuk mendapatkan rawatan dari luar daerah ini antaranya Tapah, Bidar, Bagan Datuk, Kampung Gajah dan dari sekitar Teluk Intan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 32
RUANGAN : DALAM NEGERI

Pelepasan nyamuk Wolbachia terbukti atasi denggi

JASIN: Kementerian Kesihatan akan melaksanakan pelepasan nyamuk Aedes berbakteria Wolbachia ke seluruh negara ekoran kejayaan program perintis di 27 lokaliti dalam usaha memperkukuh kawalan denggi.

Timbalan Menteri, Lukanisman Awang Sauni berkata, program perintis itu mendapati, kaedah pelepasan nyamuk berkenaan terbukti dapat mengatasi peningkatan wabak tersebut.

Jelasnya, beberapa lokaliti terutama di ibu negara, Pulau Pinang, Melaka dan Selangor menunjukkan tiada kes demam denggi dilaporkan selepas pelepasan dilakukan.

"Kejayaan program perintis membuktikan kaedah pelepasan nyamuk berbakteria Wolbachia telah dapat mengurangkan peningkatan kes denggi di lokaliti terbabit.

"Nyamuk ini adalah satu inovasi dalam menangani peningkatan kes denggi dan ini terbukti apabila tiada kes denggi direkodkan di 27 lokaliti berulang semula.

"Ini kerana bakteria Wolbachia yang disuntik ke dalam telur nyamuk Aedes akan merencatkan pertumbuhan virus denggi dalam nyamuk dan seterusnya menghalang penyebaran virus denggi," katanya dalam sidang akhbar selepas Program Pelepasan Nyamuk Berbakteria Wolbachia Fasa Dua di Taman Bemban Jaya di sini semalam.

Tambah Lukanisman, orang ramai tidak perlu risau mengenai kaedah itu yang telah disahkan selamat terhadap manusia dan alam sekitar oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Menurutnya, di Melaka sebanyak 300,000 ekor nyamuk telah dilepaskan sejak Mac tahun lalu di Taman Bemban Jaya yang dipilih sebagai lokasi pertama pelepasan.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NEWS / NATION



Health Minister Dr Zaliha Mustafa (left) visiting a booth after officiating at the 29th APHM International Healthcare Conference and Exhibition in Kuala Lumpur yesterday. BERNAMA PIC

ADDRESSING SHORTAGE

HIRING OF FOREIGN NURSES ON THE CARDS

Ministry studying issue to meet private sector needs

MAHAIZURA ABD MALIK
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE Health Ministry is considering the recruitment of nurses from abroad to help the private sector overcome the shortage.

Its minister, Dr Zaliha Mustafa, said she was scrutinising the issue raised by the Association of Private Hospitals Malaysia (APHM) and would embark on more engagements with the private sector.

"The matter is being looked into by the ministry. We are looking at how best we can help the pri-

rate sector meet its needs.

"We have to engage the private sector several more times and look at issues involving intakes and the need to bring in nurses to help improve the service," she said after officiating at the 29th APHM International Healthcare Conference and Exhibition here yesterday.

Present was APHM president Datuk Dr Kuljit Singh.

Dr Kuljit said private hospitals had been experiencing a serious nurse shortage, and hiring nurses from abroad would help them attend to more patients and, hence, assist the government.

"The feedback from 103 hospitals in our survey in November last year showed that we would need an additional 9,224 nurses between this year and 2025.

"The private hospitals are keen to hire nurses trained abroad. We have discussed this matter with the ministry's Nursing Division.

and asked for an exception to Clause 5 of its guidelines on hiring foreign nurses.

"We are only asking for two to three years to fill the gap before the nursing schools can meet the demand."

Meanwhile, Dr Zaliha said the Health white paper would be presented to the cabinet next week for approval before being tabled in Parliament.

"It must be brought to the cabinet before we can table it in Parliament."

The Health white paper aims to reform the healthcare system by ensuring its sustainability through a national health insurance scheme.

On whether Malaysia would follow Singapore's and Thailand's footsteps by banning vaping, Dr Zaliha said such a move must be looked at from various aspects, including public health and the economy.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Long wait for treatment

A majority of cancer patients in Malaysia seek treatment late even though experts say early diagnosis is key to curbing this killer disease. But the wait for cancer treatment in government hospitals is long, and many patients opt to pay for these tests to be done in private facilities to speed up diagnosis and treatment.

> See reports on page 5 by RAGANANTHINI VETHASALAM and ALLISON LAI



Photo by SS KANESAN/The Star

Limit your time in the sun

With the country sizzling under the hot sun, too much exposure to its ultraviolet radiation can lead to one developing heat-related complications, say experts. To stay safe, wear a hat or use an umbrella.

> See reports on page 4 by FATIMAH ZAINAL

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATION

'Excessive sun exposure harmful'

Expert: Risks include skin cancer, premature ageing and cataracts among others

By **FATIMAH ZAINAL**
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: Too much exposure to the sun's ultraviolet (UV) radiation, which can increase during the current hot spell, can lead to people developing heat-related complications, experts say.

With the country sizzling under the hot sun and some states recording temperatures of 35°C, health experts urge the public to be cautious about overexposure to UV rays.

Public health expert Prof Dr Moy Foong Ming of Universiti Malaya said the risks or dangers of being exposed to high UV levels include skin cancer (melanoma and nonmelanoma), premature ageing and other skin damage, cataracts and other eye damage,

as well as immune system suppression.

To stay safe, she recommended avoiding overexposure to the sun by wearing a wide-brimmed, breathable hat or using an umbrella.

"Limit your time in the sun, especially between 11am and 4pm," she said, adding that sunglasses and sunscreen can also be worn for extra protection.

Sunglasses should be the ones that provide protection against UVA and UVB rays, while sunscreen should have at least a Sun Protection Factor (SPF) of at least 15, said Prof Moy.

On the other hand, she pointed out that humans do need some sunlight for the synthesis of vitamin D via the skin.

"Exposure of the face and arms

